

15/08/2002

Panel khas pulih perpaduan di universiti akan ditubuh

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Pendidikan akan menubuhkan jawatankuasa untuk mencari jalan bagi menggalakkan perpaduan pelajar universiti tempatan, termasuk penubuhan kelab yang dianggotai pelbagai kaum.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata beliau akan memanggil semua naib canselor dan rektor universiti tempatan untuk berbincang mengenai perkara itu sebelum jawatankuasa berkenaan ditubuhkan.

Katanya, walaupun ketika ini wujud banyak kelab dan persatuan dianggotai pelbagai kaum seperti Kelab Matematik, matlamat utama penubuhannya bukan memupuk perpaduan, sungguhpun mungkin menjurus ke arah itu, manakala universiti diarah menjalankan program perpaduan dan menempatkan pelajar tanpa mengira kaum dalam satu bilik asrama.

"Yang kita maksudkan ini ialah kelab khusus untuk tujuan memupuk perpaduan. Jadi, ia dua jenis yang berbeza," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Pendidikan di sini, hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kerajaan akan memberi hadiah sebagai galakan kepada kelab di semua universiti yang mencipta kaedah merapatkan hubungan dan menarik penyertaan pelajar dari semua kaum.

Perdana Menteri berkata, kelab antara kaum itu bukan saja boleh bergiat dalam bidang sosial, sukan, lawatan sambil belajar di dalam atau di luar negara dan rekreasi tetapi juga menganjurkan kursus berkaitan adat resam, pantang larang dan sensitiviti kaum masing-masing.

Beliau kurang senang dengan sikap pelajar universiti sekarang yang bukan saja mengasingkan diri mengikut kaum dan tidak berkongsi bilik asrama, malah duduk berasingan di dewan kuliah, padang permainan atau dalam kegiatan kokurikulum.

Dr Mahathir menyifatkan keadaan itu tidak sihat dan berbahaya bagi masa depan negara kerana apabila keluar universiti untuk bekerja, mereka akan bertemu dengan masyarakat pelbagai kaum yang berbeza daripada masyarakat dalam universiti.

Musa berkata, kelab yang bakal ditubuhkan itu mestilah mempunyai tujuan mencapai perpaduan manakala aktivitinya mestilah menjurus kepada matlamat yang sama, bukan menjalankan kegiatan bagi mencapai tujuan lain.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain, mencadangkan sistem pendidikan dikaji semula kerana berpendapat masalah yang wujud itu berpunca daripada luar universiti.

Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia (MBM), Norizan Sharif, berkata majlis itu akan merangka pelan tindakan menyeluruh membabitkan 2.9 juta ahli dalam 39 badan gabungannya bagi melaksanakan program memupuk perpaduan kaum.

Aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye, pula penubuhan kelab sedemikian patut dilakukan pada semua peringkat pendidikan, tidak terhad kepada universiti saja.

Penasihat Persatuan Kolej Swasta Malaysia (Mapco), Datuk Dr Yahaya Ibrahim, berkata pengasingan pelajar berasaskan institusi pengajian tinggi awam dan swasta juga perlu dihentikan bagi mewujudkan integrasi kaum di kalangan mereka.

Presiden Mapco yang juga Presiden Kolej Nilai, Tengku Shamsul Bahrin, berkata pelajar IPTS juga berhak mendapat perhatian kerajaan dan agensinya kerana selama ini pengusaha kolej swasta menyokong kerajaan melalui

pembayaran cukai.

Di KUCHING, Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak, Prof Dr Yusuf Hadi, berkata polarisasi tidak wujud di universiti berkenaan kerana pelajar tempatan digalakkan berkongsi bilik dengan rakan mereka dari Semenanjung dan Sabah.

Di ALOR STAR, Timbalan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, Prof Madya Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata universiti itu tidak menggalakkan penubuhan kelab berasaskan kaum, agama dan daerah, dengan memberi markah bonus kepada kumpulan pelajar pelbagai kaum yang menjalankan tugas secara bersama.

Di KOTA KINABALU, Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Prof Datuk Dr Mohd Nor Dalimin, berkata universiti itu melarang penubuhan kelab berasaskan kenegerian untuk mengelak masalah berkenaan.

Di KUALA TERENGGANU, Rektor Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem), Prof Datuk Dr Mohamad Mahayudin Mohd Dahan, berkata ia juga tidak membenarkan penubuhan kelab berasaskan kaum dalam usaha memupuk perpaduan, sebaliknya menggalakkan penubuhan berasaskan akademik dan program pengajian masing-masing.

Di IPOH, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris, Prof Datuk Mohammad Noor Salleh, berkata semangat integrasi menyeluruh perlu disemai di kalangan bakal guru supaya mereka menunjukkan teladan kepada anak didik masing-masing bagi menyemai perpaduan dan toleransi kaum.